

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KAMPUNG BUDAYA SARAWAK

TEMPAT: SANTUBONG, KUCHING, SARAWAK

TARIKH: 15 FEB 1990

MASA:

Yang Amat Berhormat

Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud,
Ketua Menteri Sarawak;

Dif-dif kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana menjemput saya untuk merasmikan Kampung Budaya Sarawak ini. Saya berharap Kampung Budaya ini akan dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negeri.

2. Sarawak mempunyai beberapa tarikan pelancong yang asli dan terkenal seperti taman rimba di Niah dan Mulu serta pantai yang cantik di Santubong ini. Dengan adanya pusat-pusat dan infrastruktur pelancongan yang bertambah, saya berharap ianya akan dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negeri ke negeri Sarawak terutama semasa Tahun Melawat Malaysia ini. Kampung Budaya ini yang mempamerkan berbagai-bagai budaya yang terdapat di negeri ini bukan sahaja dapat menarik perhatian para pelancong asing dan tempatan, bahkan juga perhatian generasi muda di negeri Sarawak sendiri. Sarawak memang kaya dengan berbagai-bagai budayanya sendiri dan melalui Kampung Budaya ini, saya percaya para pelancong akan mendapat gambaran yang lebih jelas lagi mengenai kebudayaan di Sarawak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kerajaan berharap rakyat negara ini akan dapat memahami sebab-sebab kerajaan bersungguh-sungguh memajukan industri pelancongan. Pelancongan di Malaysia adalah satu industri perkhidmatan atau service industry yang masih muda daripada segi peringkat pembangunannya berbanding dengan industri-industri lain. Sumbangan industri pelancongan ini kepada Keluaran Negara Kasar atau KNK hanyalah kira-kira satu peratus sebelum tahun 1980. Walaupun begitu, statistik semakin meluas, khususnya sebagai sumber pendapatan tukaran wang asing. Kedatangan para pelancong ke Malaysia telah meningkat lebih tiga kali ganda dalam masa 17 tahun, iaitu daripada 1.2 juta orang pada tahun 1972 kepada kira-kira 3.9 juta orang pada tahun 1989. Dalam tempoh yang sama, pendapatan tukaran asing daripada pelancongan ini juga telah meningkat hampir 10 kali ganda -- daripada 266 juta ringgit

pada tahun 1972 kepada kira-kira 2.6 billion ringgit pada tahun 1989.

4. Daripada angka-angka tersebut, kita dapati bahawa sumbangan industri pelancongan kepada jumlah tukaran wang asing negara semakin meningkat. Walaupun pelancongan berpotensi besar dan berkembang dengan menggalakkan, kerajaan sedar bahawa negara kita masih lagi ketinggalan di bandingkan dengan beberapa buah negara ASEAN. Mengikut angka terakhir mengenai jumlah penerimaan tukaran wang asing daripada industri pelancongan bagi negara-negara ASEAN, Malaysia hanya mendapat tiga belas peratus, berbanding dengan tiga puluh lima peratus bagi Singapura dan dua puluh lapan peratus bagi Negara Thai.

5. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1984 Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa pelancongan adalah satu industri yang diutamakan memandangkan potensinya yang besar. Semenjak itu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meneroka dengan lebih luas lagi industri pelancongan ini. Di samping menubuhkan sebuah kementerian khas untuk kebudayaan dan pelancongan serta meningkatkan peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan atau TDC dalam promosi dan pemasaran pelancongan, berbagai-bagai galakan, kemudahan dan insentif telah diberikan untuk pelaburan dalam industri pelancongan ini. Pelaburan untuk projek-projek penginapan seperti hotel dan motel dan infrastruktur pelancongan yang lain seperti pusat rekreasi, pusat kebudayaan dan pusat kraftangan telah diberi taraf perintis atau elaun cukai dan berbagai-bagai kemudahan lain. Secara kasarnya, insentif-insentif tersebut telah membawa perkembangan yang sangat menggalakkan.

6. Walaupun pencapaian kita dalam industri pelancongan adalah baik, kita harus berusaha dan merancang untuk meningkatkan lagi potensi industri ini. Justeru itu Kerajaan telahpun mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Ianya bertujuan menambahkan bilangan pelancong asing ke Malaysia, meningkatkan tempoh para pelancong tinggal di negara ini, menggalakkan perkembangan kebudayaan dan kesenian tempatan dan menggalakkan pelancongan dalam negeri di kalangan rakyat negara kita sendiri. Kerajaan yakin negara kita akan lebih terkenal di kaca mata antarabangsa dan ini akan dapat menarik lebih ramai para pelancong mengunjungi Malaysia.

7. Kita harus menyediakan lebih banyak lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih selesa dan inovatif serta mempunyai daya tarikan yang boleh memenuhi kehendak para pelancong yang semakin sofistikated. Dalam hal ini, Kerajaan mendapati bahawa tumpuan pelaburan dalam industri pelancongan ini masih ditumpukan kepada projek-projek berbentuk penginapan seperti hotel, motel, chalet dan sebagainya. Kerajaan berharap para pelabur akan juga meneroka projek-projek bukan penginapan seperti kemudahan-kemudahan rekreasi. Projek Kampung Budaya Sarawak ini merupakan satu lagi projek pelancongan bukan penginapan dan

kerajaan berharap banyak lagi projek seperti ini akan dibina bukan sahaja di Sarawak, tetapi juga di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Mengikut satu kajian antarabangsa, industri perjalanan dan pelancongan, atau travel and tourism industry, adalah industri yang terbesar di dunia daripada segi gunatenaga, dan industri ini telah memberi sumbangan yang penting kepada ekonomi negara-negara maju dan membangun. Fakta ini menambahkan lagi keyakinan Kerajaan terhadap sumbangan industri ini kepada perkembangan ekonomi negara amnya dan usaha mengurangkan pengangguran khususnya. Kerajaan yakin industri pelancongan akan dapat menampung sebahagian daripada keperluan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

9. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai latihan yang berkaitan dengan pelancongan untuk menyalurkan tenaga kerja yang terlatih kepada industri pelancongan. Antara latihan-latihan yang telah membuktikan kekesanannya ialah program-program latihan yang disediakan oleh Institut Teknologi MARA dan Pusat Daya Pengeluaran Negara. Kerajaan akan meneruskan latihan-latihan ini untuk memenuhi keperluan tenaga terlatih itu. Di samping itu berbagai agensi awam dan swasta yang terlibat dengan pelancongan juga menjalankan latihan masing-masing, terutama latihan semasa bekerja kepada seberapa ramai tenaga kerja di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Tahun Melawat Malaysia melibatkan semua rakyat, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan di pintu-pintu masuk ke Malaysia, kakitangan hotel dan penginapan lain, pengusaha-pengusaha pelancongan atau tour operators dan sebagainya, bahkan rakyat keseluruhannya terlibat secara langsung. Kemesraan, sopan santun, serta keupayaan dan kesediaan membantu para pelancong harus diutamakan.

11. Rakyat yang lain juga turut sama terlibat. Jagalah kebersihan bandar, pantai-pantai dan pusat-pusat pelancongan. Kebersihan tempat-tempat tinggal dan perkampungan juga akan menggambarkan tingkahlaku, hemah serta kemajuan kita.

12. Adakah semuanya yang dirancang dan berlaku sepanjang tahun 1990 berakhir di situ sahaja? Semestinya tidak. Ini merupakan permulaan satu program secara pesat bagi menggalakkan pelancongan untuk tahun-tahun yang akan datang. Sebahagian besar kesan kempen kita ini akan dapat dilihat pada tahun-tahun selepas berlalunya Tahun Melawat Malaysia 1990 ini. Sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam kempen ini, insya-Allah manfaatnya kepada ekonomi negara dan rakyat amnya akan dapat dinikmati sepanjang tahun 1990 dan tahun-tahun berikutnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Negeri Sarawak kerana menjemput saya ke upacara

perasmian ini. Saya berharap pengurusan dan kakitangan Kampung Budaya Sarawak ini akan sentiasa bersedia memberi perkhidmatan yang cekap dan baik kepada para pelancong yang mengunjungi Kampung ini.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kampung Budaya Sarawak ini.